



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj Kami : ANM.JB (A) 70/14 JLD 3(14)
Tarikh : 03 Mac 2022

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) N. JOHOR

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN PENYELESAIAN PEMBAYARAN NOTA TERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GOODS/SERVICISS RECEIVES NOTES (GRN) / FULLFILLMENT RECEIPT NOTES (FRN) KOD AKAUN L1312959 SEHINGGA 28 FEBRUARI 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 Tatacara Pengurusan Bayaran adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan, Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan ke atas pengurusan pembayaran di PTJ supaya mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.
3. Sehubungan itu, pemantauan dan semakan ke atas Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN) perlu dilakukan secara harian. Sebarang kesilapan pada GRN hendaklah dikuiiri dan sekiranya memerlukan pembatalan ia perlu dilakukan dengan kadar segera. Adalah diingatkan bahawa **setiap GRN perlu diselesaikan sehingga peringkat pembayaran dalam masa 14 hari dari tarikh GRN (penerimaan barang) dilakukan.**
4. Untuk tujuan pemantauan dan semakan status terkini pesanan kerajaan, **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)** boleh dijana melalui modul Perolehan sistem iGFMAS. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Akaun Puan Khairus Salwa Binti Mohd Samsury di talian 07-2249244 samb.1061 atau email ke akaun_jhr@anm.gov.my
5. Perhatian dan kerjasama awal pihak YBhg.Dato/Datin/Tuan/Puan berkenaan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(NIRMALA DEVI A/P THIRUMALAI C.A(M))
b/p Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor